

f (https://www.facebook.com/DagangNewscom-108145407622882/)

t (https://twitter.com/DagangNews)

ig (https://instagram.com/dagangnews\_portal?igshid=84dr6n9jcwgr)



(https://www.youtube.com/@DagangnewsVideo)



# dagangnews.com

Berita Bisnes Anda

(/)

SEARCH

Home (/index.php/) / Terkini (/index.php/Terkini) /

Taraf saranan Sunway REIT disemak naik kepada 'Beli', pendapatan 2H24 diunjur lebih tinggi - Maybank IB



TERKINI (/INDEX.PHP/TERKINI) 16 Aug 2024 10:16 AM



DagangNews.com

## Taraf saranan Sunway REIT disemak naik kepada 'Beli', pendapatan 2H24 diunjur lebih tinggi - Maybank IB



Sunway REIT dijangka peroleh pendapatan lebih tinggi pada 2H24. kata Maybank IB. -Gambar Sunway REIT

Oleh M. HERMAN HAMID

[herman@dagangnews.com](mailto:herman@dagangnews.com) (<mailto:herman@dagangnews.com>)

**KUALA LUMPUR 16 Ogos** - Maybank Investment Bank (Maybank IB) menaik taraf saranan Sunway REIT kepada 'Beli' daripada 'Pegang' dengan harga sasaran (TP) ditingkatkan 17 sen kepada RM1.77 sesaham.

Firma penyelidikan itu turut menjangkakan Sunway REIT bakal mencatatkan pendapatan yang lebih tinggi pada separuh kedua 2024 (2H24) disokong oleh sumbangan tiga aset baharu.

Aset berkenaan ialah 163 Retail Park di Kuala Lumpur, sebuah hartanah industri baharu di Pulau Pinang dan pusat beli-belah Kluang Mall, Johor.

"Kami menaikkan ramalan pendapatan tahun kewangan 2025 dan 2026 (FY25/26) sebanyak +8% setahun, yang meningkatkan harga sasaran kami kepada MYR1.77 (+17 sen, Ke: 8.1%). Naik taraf kepada 'Beli,'" katanya dalam nota penyelidikan hari ini.

Maybank IB menyemak semula ramalan pendapatan FY25/26 Sunway REIT dengan peningkatan sebanyak +8% setahun kerana memasukkan aset baru ke dalam ramalan dan mengeluarkan pengagihan kepada pemegang nota kekal kerana ia telah ditebus sepenuhnya.

## **ARTIKEL BERKAITAN: Sunway REIT beli pusat beli-belah Kluang Mall pada harga RM158 juta (<https://www.dagangnews.com/article/sunway-reit-beli-pusat-beli-belah-kluang-mall-pada-harga-rm158-juta-39715>)**

"Kami menganggarkan tahap gear bersih (hutang terhadap aset) sebanyak 46% selepas penyelesaian pemerolehan berbanding 44% pada akhir Jun 2024," ujarnya.

Sementara itu, Maybank IB berkata, pasaran aset runcit bakal diperluaskan apabila Sunway Pyramid Mall yang sedang menjalani lanjutan pengubahsuaian yang dijangka siap pada Oktober 2024.

Kata firma itu, Sunway Carnival Mall juga sedang menjalani fasa dua pengubahsuaian, yang akan siap pada Jun 2025.

"Penambahbaikan yang sedang dijalankan dijangka memberi impak marginal terhadap segmen Runcitnya buat sementara waktu, yang sebahagiannya ditampung oleh sumbangan sewa baru dari enam pasar raya besar baru, dan aset runcit baru pada 2H24 iaitu 163 Retail Park dan Kluang Mall.

"Aset Runcit baru ini akan memperluaskan kawasan pasaran Sunway REIT kepada empat kategori: pusat beli-belah super-serantau, pusat beli-belah serantau, pusat beli-belah kejiranan dan premis runcit besar," jelasnya.- **DagangNews.com** (<https://dagangnews.com>)